

## Kata Adjektif Ukuran

## Keselamatan di Kebun Sekolah



Aidil dan Chun Han mahu ke kebun sekolah. Mereka mahu membantu Cikgu Chan membersihkan kebun itu.

Aidil memakai pakaian yang sesuai. Dia memakai seluar yang **panjang**. Dia bersarung tangan. Selain itu, dia memakai but getah yang tapaknya agak **tebal**.

Chun Han pula berbeza daripada Aidil. Dia memakai seluar yang **pendek**. Dia memakai kasut yang tapaknya terlalu **tipis**. Dia juga tidak bersarung tangan.

Cikgu Chan telah menegur Chun Han. Beliau meminta Chun Han memakai pakaian dan kasut yang sesuai. Perkara itu penting bagi melindungi dirinya daripada kecederaan. Kaki dan tangannya akan luka jika terkena benda tajam.

Cikgu Chan meminta mereka memakai topi. Topi itu dapat melindungi kepala mereka daripada panas matahari. Aidil dan Chun Han memakai topi yang **kecil**, manakala Cikgu Chan memakai topi yang **besar**.



## CELIK BAHASA

**Kata adjektif ukuran** ialah kata yang menerangkan ukuran sesuatu. Contoh: tinggi, rendah, besar, kecil.